

28/06/2002

Kubang Pasu sokong Pak Lah

KUALA LUMPUR, Khamis - Umno Bahagian Kubang Pasu hari ini memutuskan menyokong penuh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk memimpin parti dan kerajaan apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersara selepas Oktober tahun depan.

Naib Ketuanya, Datuk Mohd Johari Baharum, berkata keputusan itu dicapai pada satu mesyuarat khas jawatankuasa bahagian yang dipengerusikan beliau di Jitra, Kedah, hari ini.

"Umno Kubang Pasu sebulat suara bersetuju memberi sokongan penuh kepada keputusan Perdana Menteri memilih Pak Lah untuk memimpin parti dan kerajaan," katanya.

(END)